



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2013

BAHASA MELAYU

Kertas 1

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.

Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Bahagian A

(30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraian jelas dan matang
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	- masih menepati tema bahan rangsangan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraian masih jelas

<p>Kurang Memuaskan</p>	<p>10 -14 (12 – 14) (10 – 11)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - masih/kurang menepati tema bahan rangsangan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea masih/kurang relevan, huraian masih/kurang jelas
<p>Pencapaian Minimum</p>	<p>01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - murid tidak memahami tema bahan rangsangan - idea tidak menepati tema bahan rangsangan

- Catatan :
- Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan
 - Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)

SULIT

1103/1

Bahagian B

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
5. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

SULIT

1103/1

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
(100 markah)
KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	<p>80 – 100</p> <p>(90 – 100)</p> <p>(80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	<p>66 – 79</p> <p>(73 – 79)</p> <p>(66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai

		<ul style="list-style-type: none"> - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
BAIK	<p>51 – 65</p> <p>(58 -65)</p> <p>(51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - penggunaan kosa kata umum - laras bahasa sesuai mengikut tugas - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai - wacana masih lengkap - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
MEMUASKAN	<p>36 – 50</p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata terhad - ayat kurang gramatis - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - laras bahasa kurang sesuai - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - wacana masih/kurang lengkap - penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan

<p>KURANG MEMUASKAN</p>	<p>21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kata kurang tepat - ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah
<p>PENCAPAIAN MINIMUM</p>	<p>01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - keseluruhan karangan sukar/tidak difahami

Skema jawapan Modul Latihan Berfokus SPM Bahasa Melayu Kertas 1/ 2013

1. Anda telah berpeluang bercuti bersama-sama dengan keluarga di tempat pelancongan yang terkenal di Malaysia.

Huraikan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan untuk menjadikan tempat pelancongan di Malaysia lebih menarik.

Cadangan isi.

Langkah-langkah:

- mengekalkan keindahan semula jadi
- meningkatkan prasarana/kemudahan asas
- meluaskan promosi oleh kerajaan/swasta ke peringkat antarabangsa
- sikap pekerja yang lebih mesra

(terima mana-mana isi lain yang sesuai)

2. Kenaikan harga barangan keperluan harian telah menyebabkan ahli keluarga melakukan pelbagai usaha untuk menjimatkan perbelanjaan.

Huraikan usaha-usaha tersebut.

Cadangan isi:

- menabung
- anak-anak membawa bekal ke sekolah
- menjimatkan penggunaan air dan elektrik di rumah
- menggunakan peralatan komunikasi ketika perlu sahaja.

(terima mana-mana isi lain yang sesuai)

3. Makanan segera dan makanan ringan seperti burger, mi segera dan kentang goreng telah menjadi pilihan masyarakat sekarang.

Ulaskan pernyataan tersebut..

Cadangan isi.

Sebab-sebab pengambilan:

- kesuntukan masa
- mudah dan cepat
- menunjukkan status/kedudukan
- terpengaruh dengan iklan

Kesan-kesan:

- masalah obesiti
 - masalah penyakit kronik
 - mengurangkan daya ketahanan badan
 - melemahkan daya ingatan kepada kanak-kanak.
- (terima mana-mana isi lain yang sesuai)

4.Kemasukan warganegara asing ke negara lain telah meninggalkan pelbagai kesan.

Jelaskan kesan-kesan kemasukan warganegara asing ke negara tersebut.

Cadangan isi.

- pembangunan negara lebih rancak
- mengurangkan kos produksi
- pertambahan penduduk
- kemungkinan merebakkan penyakit
- kadar jenayah meningkat.

(terima mana-mana isi lain yang sesuai)

5. Anda baru sahaja selesai membaca sebuah novel keluaran sebuah syarikat penerbitan yang terkenal. Sehubungan dengan itu, anda berminat untuk membuat ulasan tentang peristiwa-peristiwa menarik yang terdapat dalam novel tersebut.

Tulis ulasan anda.

Cadangan isi.

- tema dan persoalan yang menarik
- watak dan perwatakan yang boleh dijadikan teladan
- penerapan nilai-nilai murni.

